



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1.0 (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N19**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
- 1.1 (a) Tanggagaji - Gred N19 : - RM1,352.00 (minimum) - RM4,003.00 (maksimum)
- (b) Elaun : - Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM115.00
- Imbuhan Tetap Perumahan RM300.00
- Bantuan Sara Hidup RM350.00
- 1.2 Syarat Lantikan:
- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00) atau;
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40) atau;
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)
- (ii) Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu termasuk lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (iii) Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer.
- 4.3 Diskripsi Tugas : Membantu dan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pentadbiran, perkhidmatan, kewangan dan perundangan di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- 4.4 Taraf Jawatan : Tetap

6.0 CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: www.mainpp.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Permohonan yang berikut akan ditolak:
 - (i) Tidak menggunakan borang permohonan permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (iv) Tidak disertakan gambar terkini berukuran passport.
 - (v) Tidak disertakan salinan Mykad, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kelulusan Akademik (berkaitan permohonan) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.
 - (vi) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan beserta salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
 - (vii) Tidak ditandatangani; dan
 - (viii) Lewat diterima

6.1 PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA:

**Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, 8 & 9, Menara JKP
No.128, Jalan Macalister
10400 PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **20 Februari 2023**

Catatan Am

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.